

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN
AL-QURAN ANGKATAN TENTERA, KE-
MENTERIAN PERTAHANAN DI KUALA
LUMPUR, PADA 10HB OKTOBER, 1973

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Hamzah,¹ Y.B. Jeneral Tan Sri Ibrahim, Dif-dif
terhormat, Saudara-saudara sekalian,

Saya sama-sama bersyukur ke hadrat Allah Subahanahuwataala kerana dengan izinNya Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran dan Berzanji bagi anggota-anggota Angkatan Tentera telah berlangsung dengan sempurna dan penuh kejayaan.

Sukalah juga saya menyatakan terima kasih kepada Jawatan-kuasa Pertandingan kerana sudi menjemput saya berdua menyaksikan majlis malam ini dan khasnya kepada saya sendiri bagi menyampaikan hadiah kepada Qari dan Qariah yang berjaya dalam pertandingan tahun ini.

Saya menganggap kesempatan malam ini tambah bermunafaat kerana dapat bertemu muka dengan saudara-saudara sekalian dari semua peringkat yang datang dari jauh dan dekat sambil berharap semoga tali perhubungan yang lama itu akan terus berkekalan.

Saudara-saudara sekalian,

Semenjak Angkatan Tentera mula mengadakan Pertandingan ini lima belas tahun yang lalu, saya dapati banyak kemajuan yang dicapai dan mutu pembacaan pada amnya telah meningkat tinggi. Saya faham ada di antara pembaca-pembaca dari Angkatan Tentera yang mewakili Negeri masuk ke Pertandingan Peringkat Kebangsaan dan ini tentulah menjadi kebanggaan serta perang-sang kepada yang lain-lain.

Sesungguhnya, pada bulan Ramadan yang mulia ini, kita umat Islam dikehendaki membuat seberapa banyak amal ibadat kepada Allah. Pada segi itu, amalan kita, yang boleh pun dikatakan

¹ Menteri Pertahanan.

menjadi tradisi kita masa ini—dengan mengadakan pertandingan ini membawa semua umat Islam beribadat serta memuliakan kitab suci Al-Quran.

Seperti yang kita maklum, tujuan kita mengadakan Pertandingan ini ialah untuk memperdengarkan bacaan Al-Quran yang baik mutunya dan di samping itu pula dapatlah kita memahami ajaran-ajaran yang sebenar yang berguna bukan saja untuk hari akhirat bahkan bagi kehidupan kita sehari-hari. Pendek kata, Kitab Suci Al-Quran diturun oleh Allah untuk kebahagiaan semua manusia bagi semua zaman. Hanyalah dengan kita memahami ayat-ayat suci dan hikmat di sebaliknya barulah dapat kita menjalankan kehidupan kita dengan cara-cara yang disertai dan diberkati Allah di dunia dan di akhirat daji menikmati kebahagiaan hidup yang dikehendaki.

Memandang pada aspek yang lain, melalui aktiviti seperti ini juga membuktikan bahawa anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia tidak ketinggalan dalam lapangan ugama bahkan bergerak sama dalam arus kehidupan masyarakat. Saya sukacita amalan ini dapat dijayakan terus menerus sekian lama serta meliputi anggota tentera yang static di Garisen, Briged dan Divisyen masing-masing. Dengan cara itu, imej baik angkatan tentera kekal tinggi di mata khalayak umum.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam pada kita mengadakan majlis ini, sayugialah juga masyarakat umum mengingat akan anggota-anggota tentera yang bertugas di garisan hadapan samada di sempadan Malaysia/Thai ataupun di rimba belantara di Sarawak. Saya faham gerakan telahpun dimulakan untuk mengumpulkan barang-barang makanan dan kuih-muih sebagai hadiah Hariraya kepada perajurit yang berada di kawasan perbatasan itu.

Saya ingin menyeru orang ramai supaya bermurah hati memberikan sumbangan mereka sebagai tanda balasan yang tulus ikhlas kepada para perajurit kita yang menyabung nyawa demi menjaga keselamatan dan ketenteraman negara. Sesungguhnya apa yang dapat kita berikan tidak berbanding dengan semangat pengorbanan dan patriotism yang ditunjukkan oleh anggota-anggota Angkatan Tentera kita itu supaya kita dapat tinggal dalam keadaan aman damai dan bahagia.

Kita patut berbangga dengan kejayaan cemerlang yang diperolehi di masa-masa akhir ini terutama di Sarawak, di mana nampaknya kekuatan physical serta morale pengganas-pengganas kominis telah dapat dipatahkan. Saya percaya dengan bertambahnya keyakinan serta kerjasama dari rakyat, keadaan aman damai dapat dipulihkan dalam masa yang segera.

Kejayaan di Sarawak adalah satu natijah yang baik dan kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada anggota-anggota Pasukan Keselamatan iaitu Tentera dan Polis yang telah menjalankan tugas serta tanggungjawab mereka dengan cemerlang sekali.

Menjelang tibanya hari yang mulia, kita sekalian amat terhutang budi kepada anggota-anggota angkatan tentera dan Polis kerana berkat ketabahan hati serta semangat keperwiraan mereka keselamatan negara terkawal pada setiap masa. Kita berdoa mudah-mudahan Allah sentiasa memberikan mereka perlindungan dan dipelihara dari apa-apa bencana.

Saudara-saudara sekalian,

Saya ingin juga menarik perhatian am kepada peristiwa yang berlaku di Asia Barat serta menyatakan rasa dukacita kerana meletusnya peperangan di sana antara pihak Arab dengan Israel. Tidak syak lagi punca peperangan ini ialah kerana kedegilan pihak Israel tidak mematuhi keputusan Bangsa-bangsa Bersatu supaya berundur dari wilayah Arab yang didudukinya selepas perang tahun 1967 dahulu. Adalah nyata seluruh tanggungjawab mengenai peristiwa yang berlaku sekarang ini terletak penuh di bahu pemimpin-pemimpin Israel yang sama sekali tidak menghiraukan pendapat dunia umum.

Pada saat saudara-saudara Islam menghadapi kecemasan ini, kita di Malaysia menyatakan penuh simpati kepada saudara-saudara Islam kita di Mesir, Syria dan Negara-negara Arab yang lain dalam perjuangan mereka menebus kembali tanahair mereka yang dirampas oleh musuh itu. Kita berdoa semoga perjuangan suci mereka itu dimakbulkan Allah dan bahagian tanahair yang diduduki Israel itu kembali kepada yang haknya.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti yang kita maklum, masaaalah yang sedang dihadapi orangramai masa ini ialah kenaikan harga barang-barang terutama pada masa menjelang hari raya oleh kerana adanya

setengah-setengah pekedai yang menaikkan harga barang-barang dengan tiada sebab pun. Sesungguhnya perbuatan seperti ini bukan saja tidak bertanggungjawab bahkan boleh dianggap sebagai antinasional. Saya suka menyatakan di sini iaitu Kerajaan akan menjalankan segala kuatkuasa undang-undang dengan tujuan mencegah kenaikan harga barang-barang keperluan supaya orang-ramai khususnya suri-suri rumah tangga dapat membuat persediaan hari raya seperti di masa-masa yang lampau dan kita dapat menyambut hari yang mulia itu dengan penuh meriah dan gembira.

Saudara-saudara sekalian,

Berhubung dengan perkara ini juga, saya ingin menyentuh tentang kedudukan bekalan dan harga beras di masa akan datang. Saya ingin mengulangi bahawa bekalan beras negara kita adalah mencukupi dan orangramai tidak perlu bimbang. Mereka boleh mendapat beras dengan harga yang berpatutan.

Dalam pada itu, Kerajaan telahpun menimbangkan semula dasar pengeluaran padi dan beras serta memutuskan supaya kita berusaha mengeluarkan padi dan beras untuk secukup bagi seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Pendek kata, kita akan mengeluarkan padi dan beras 100% bagi keperluan kita supaya kita tidak lagi bergantung kepada bekalan dari luar negeri di masa hadapan.

Saudara-saudara sekalian,

Akhir kata, sukalah saya mengucapkan tahniah kepada para pemenang dalam Pertandingan ini serta berdoa mudah-mudahan Allah panjangkan umur kita serta memberikan kita rahmat dan perlindunganNya pada setiap masa.